

UCAPTAMA
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL DAN
KONVENSYEN INTEGRITI NASIONAL 2008
DI HOTEL CROWNE PLAZA, KUCHING, SARAWAK
7 NOVEMBER 2008

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YAB PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD
KETUA MENTERI SARAWAK

YBHG TAN SRI MOHD. SIDEK HAJI HASSAN
KETUA SETIAUSAHA NEGARA DAN Pengerusi INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI

DIF-DIF KEHORMAT

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

1. ALHAMDULLILAH, SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAN KURNIANYA, KITA DAPAT HADIR BERSAMA-SAMA DI MAJLIS YANG PENUH BERMAKNA INI. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA PIHAK INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (I.I.M.) DAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK ATAS USAHA GIGIH MEREKA DALAM MENGANJURKAN MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL DAN KONVENSYEN INTEGRITI NASIONAL 2008 INI.

2. BERMULA SEJAK TAHUN 2004, TANGGAL 5 HARIBULAN NOVEMBER TIAP-TIAP TAHUN TELAH DIISYTIHARKAN SEBAGAI 'HARI INTEGRITI KEBANGSAAN'. UNTUK MENGISI ERTI INTEGRITI DAN MEMBINCANG HALATUJU AGENDA INTEGRITI NEGARA, KONVENSYEN INTEGRITI NASIONAL TURUT DIADAKAN PADA MASA YANG SAMA. SAYA DIFAHAMKAN TEMA KONVENSYEN PADA TAHUN INI ADALAH "INTEGRITI PEMANGKIN PEMBANGUNAN MAPAN". SAYA BERPENDAPAT TEMA INI AMATLAH WAJAR SEKALI BERDASARKAN KONTEKS SEMASA. TEMA INI MENCERMINKAN KEPENTINGAN INTEGRITI DALAM MEMBERI ERTI KEPADA KEHIDUPAN KITA. MALAH, IA JUGA MENCERMINKAN PERANAN NILAI-NILAI MURNI DALAM MEMBANGUNKAN EKONOMI DAN MEMBENTUK MASYARAKAT YANG MAJU DALAM PELBAGAI ASPEK.

3. OLEH ITU, SEBAGAI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN YANG SEDANG MENUJU KE ARAH STATUS NEGARA MAJU, SAYA MELIHAT USAHA PEMUPUKAN MASYARAKAT YANG BERINTEGRITI SEBAGAI SATU USAHA YANG AMAT PENTING DAN YANG HARUS DIBERI PERHATIAN KHUSUS. MAKA DENGAN ITU, KERAJAAN PIMPINAN SAYA TELAH MELETAKKAN INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH SEBAGAI SALAH SATU PRIORITI UTAMANYA.

4. SEJAK 2003, KERAJAAN TELAH MELAKSANAKAN DENGAN PENUH GIGIH AGENDA TERSEBUT BERDASARKAN STRATEGI SERAMPANG DUA MATA. DARI SEGI

PREVENTIF, KERAJAAN TELAH MEMBANGUNKAN 'PELAN INTEGRITI NASIONAL' (P.I.N.) UNTUK MEMBIMBING DAN MENGGARIS USAHA-USAHA KE ARAH PEMANTAPAN INTEGRITI. KERAJAAN JUGA TELAH MENUBUHKAN INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (I.I.M.) UNTUK MENDIDIK DAN MENGGALAKKAN RAKYAT MALAYSIA UNTUK MENEGAKKAN INTEGRITI DAN MEMUPUK NILAI-NILAI MURNI DALAM KEHIDUPAN MEREKA.

5. SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM TERUS DIPERBAIKI UNTUK MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN LEBIH CEKAP YANG DAPAT MENGURANGKAN PELUANG BERLAKUNYA RASUAH. PASUKAN PETUGAS KHAS "PEMUDAH" YANG TERDIRI DARIPADA PEGAWAI KANAN KERAJAAN DAN TOKOH-TOKOH SWASTA TELAH DITUBUHKAN DAN TELAH BERJAYA MENGURANGKAN BIROKRASI DALAM BEBERAPA ASPEK PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM SECARA BERKESAN.

6. SAYA PERCAYA BERKAT USAHA GIGIH 'PEMUDAH' DAN KOMITMEN KAKITANGAN SEKTOR AWAM SEKELIAN TELAH MEMBOLEHKAN MALAYSIA MENGECAPI TANGGA KE-19 DALAM 'IMD WORLD COMPETITIVENESS REPORT 2008'. INI MERUPAKAN PENINGKATAN 4 TANGGA DARI TANGGA KE-23 PADA TAHUN LEPAS. SAYA YAKIN KEJAYAAN TERSEBUT ADALAH KERANA faktor kecekapan kerajaan, YANG DIGUNAPAKAI SEBAGAI SALAH satu daripada KAYU PENGUKUR untuk MENENTUKAN daya saing NEGARA.

7. SEBAGAIMANA YANG TELAH SAYA NYATAKAN DALAM UCAPAN SAYA DI 'WORLD ETHICS AND INTEGRITY FORUM' PADA TAHUN 2005, PERJUANGAN INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH HARUS JUGA DILIHAT DARI SUDUT EKONOMI, YAKNI KEPERLUAN NEGARA UNTUK MENINGKATKAN DAYA SAING EKONOMINYA. PELABUR ASING, MISALNYA, LEBIH BERMINAT UNTUK MELABUR DI EKONOMI YANG STABIL, EFISIEN DAN 'COST-EFFECTIVE' DI MANA MASALAH RASUAH BERADA PADA TAHAP YANG RENDAH. SEBAGAI SEBUAH EKONOMI TERBUKA YANG KECIL, MALAYSIA PERLU TERUS BERUSAHA GIGIH UNTUK MEMBANTARAS RASUAH DAN MENEGAKKAN INTEGRITI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

8. DARI SEGI TINDAKAN PUNITIF PULA, AGENSI-AGENSI PENGUATKUASA TELAH MEMANTAPKAN LAGI OPERASI MASING-MASING SEHINGGAKAN RAMAI PESALAH YANG TERLIBAT DENGAN RASUAH DAPAT DIBAWA KE MUKA PENGADILAN. SELAIN ITU, DENGAN PENINGKATAN TAHAP KESEDARAN MASYARAKAT MENGENAI RASUAH, LEBIH RAMAI LAGI INDIVIDU YANG TELAH TAMPIL MELAPORKAN KEJADIAN RASUAH. HAKIKAT INI TELAH MEMBOLEHKAN LEBIH BANYAK SIASATAN DAN TANGKAPAN BERHUBUNG KES RASUAH DIBUAT.

9. DALAM HAL INI, PIHAK BADAN PENCEGAH RASUAH (B.P.R.) TELAH MENJALANKAN TUGAS MEREKA DENGAN BAIK, TANPA RASA TAKUT ATAU PILIH KASIH. STATISTIK TERKINI MENUNJUKKAN BAHAWA BILANGAN SIASATAN TELAH MENINGKAT SEBANYAK DUA KALI GANDA ANTARA TAHUN 2001 DAN 2007. MANAKALA BILANGAN TANGKAPAN TELAH MENCATATKAN PENINGKATAN SEBANYAK 54 PERATUS DALAM TEMPOH YANG SAMA. LEBIH MEMBANGGAKAN, PEMANTAPAN DARI SEGI PENYIASATAN DAN PENDAKWAAN TELAH MEMBOLEHKAN LEBIH BANYAK KES RASUAH DISABIT KESALAHAN. KINI, KADAR KESABITAN KESALAHAN TELAH MENINGKAT KEPADA 78 PERATUS BAGI TAHUN 2007, IAITU PENINGKATAN SEBANYAK 28 PERATUS DALAM TEMPOH HANYA 5 TAHUN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

10. JIKA DITELITI, TERNYATA BAHAWA AGENDA INTEGRITI NEGARA SEDANG BERGERAK DAN SEMAKIN BERJAYA. WALAU BAGAIMANAPUN, MUNGKIN PERGERAKANNYA TIDAK SEPANTAS YANG DIHARAPKAN OLEH RAKYAT DAN INI SETERUSNYA MENYUMBANG KEPADA BEBERAPA PERSEPSI NEGATIF.

11. KITA HARUS SEDAR BAHAWA PROSES MEMBANGUNKAN MASYARAKAT YANG BERINTEGRITI, YANG MENOLAK BUDAYA RASUAH, SEBENARNYA MEMAKAN MASA YANG LAMA. LAGIPUN, PENGALAMAN NEGARA LAIN MENUNJUKKAN BAHAWA TINDAKAN TEGAS UNTUK MEMERANGI RASUAH SERING KALI DIIRINGI OLEH PERSEPSI YANG MENURUN SEBELUM IANYA BERTAMBAH BAIK. INI ADALAH KERANA FOKUS KERAJAAN DAN PIHAK MEDIA BERTUMPU KEPADA ISU RASUAH, MAKA IA MENJADI PERHATIAN RAKYAT JUGA. INI ADALAH SATU HAKIKAT YANG PERLU KITA TERIMA, TANPA PERASAAN INGIN BERPUTUS ASA ATAU BERSIKAP SINIS.

12. DI SINI, SAYA INGIN MENARIK PERHATIAN SAUDARA-SAUDARI KEPADA BEBERAPA KAJIAN DAN PEMBANCIAN MENGENAI ISU RASUAH YANG DILAKSANAKAN SEJAK BEBERAPA BULAN KEBELAKANGAN INI. HASIL TEMUANNYA JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA RAKYAT MENYOKONG KUAT AGENDA INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH NEGARA. MALAH, RAKYAT MAHU MELIHAT TINDAKAN TEGAS DAN PANTAS KE ARAH PEMANTAPAN INSTITUSI-INSTITUSI ANTI-RASUAH, BADAN-BADAN PENGUATKUASAAN DAN KERANGKA PERUNDANGAN BERKAITAN RASUAH.

13. SEMEMANGNYA, KERAJAAN SENTIASA PEKA DAN MENDENGAR SUARA RAKYAT. MAKA DENGAN ITU, PADA BULAN APRIL YANG LEPAS, SAYA TELAH MENGUMUMKAN BEBERAPA LANGKAH UNTUK MEMPERKUKUHKAN LAGI AGENDA INTEGRITI NEGARA, TERMASUK PENAMBAHBAIKAN DAN PENSTRUKTURAN SEMULA B.P.R. KEPADA SEBUAH SURUHANJAYA.

14. SEJAK IA DIUMUMKAN, ISU PENSTRUKTURAN SEMULA B.P.R. MENJADI TOPIK HANGAT. SOALAN-SOALAN SEPERTI "BILA IANYA AKAN DITUBUHKAN?". "BAGAIMANA IANYA AKAN DITUBUHKAN?". APAKAH STRUKTUR BARUNYA?". SEMUANYA MENJADI TANDA TANYA. NAMUN BEGITU, PADA HARI INI SAYA ADA SEDIKIT BERITA BAIK. SUKACITA SAYA MENGUMUMKAN BAHAWA JEMAAH MENTERI DALAM MESYUARATNYA PADA PAGI INI TELAH BERSETUJU DENGAN PENGGUBALAN "RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (S.P.R.M.) 2008". RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT DISEDIAKAN BAGI MENGGANTIKAN 'AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997', MENUBUHKAN S.P.R.M., DI SAMPING MEMBENTUK 'LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH (L.P.P.R.)' DAN 'JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH (J.K.M.R.)', IAITU ANTARA MEKANISME 'CHECK AND BALANCE' SURUHANJAYA TERSEBUT.

15. 'RANG UNDANG-UNDANG S.P.R.M. 2008' AKAN DIBENTANGKAN UNTUK PEMBACAAN PERTAMA DI PARLIMEN DALAM MASA TERDEKAT. SEPERTI MANA YANG TELAH DIUMUMKAN, SESI PARLIMEN INI JUGA AKAN DILANJUTKAN SEHINGGA 18 DISEMBER UNTUK MEMBOLEHKAN RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT DIBAHASKAN. INSYA-ALLAH, APABILA RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT DILULUSKAN, IA AKAN MENJADI ASAS KEPADA PEMBENTUKAN SEBUAH SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH YANG LEBIH BERWIBAWA, LEBIH BERKESAN DAN TERTAKLUK KEPADA PEMANTAUAN LUAR MELALUI SATU SISTEM 'CHECK AND BALANCE' YANG KOMPREHENSIF.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

16. SEGALA USAHA TELAH DIAMBIL UNTUK MEMASTIKAN AGAR S.P.R.M. YANG BAKAL DIWUJUDKAN BENAR-BENAR BERKESAN DAN MAMPU MEMENUHI KEHENDAK DAN ASPIRASI RAKYAT. DENGAN ITU, S.P.R.M. TELAH DIMODELKAN BERDASARKAN PADA AGENSI-AGENSI ANTI-RASUAH YANG DIIKTIRAF SEBAGAI ANTARA YANG TERBAIK DI DUNIA, UMPAMANYA 'INDEPENDENT COMMISSION ON ANTI-CORRUPTION' (I.C.A.C.) DI HONG KONG DAN 'INDEPENDENT COMMISSION AGAINST CORRUPTION' DI NEW SOUTH WALES, AUSTRALIA.

17. SEBAGAIMANA YANG DINYATAKAN TADI, S.P.R.M. YANG BAKAL DIWUJUDKAN AKAN DISOKONG OLEH BEBERAPA MEKANISME CHECK AND BALANCE SEPERTI "LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH" DAN "JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH" AGAR DILIHAT LEBIH BERAKAUNTABILITI, LEBIH TELUS DAN LEBIH BERKESAN DALAM PELAKSANAAN TUGASNYA, SELARAS DENGAN KEHENDAK PERUNDANGAN, SERTA SELARI DENGAN ASPIRASI MASYARAKAT.

18. AHLI-AHLI 'LEMBAGA PENASIHAT' TERSEBUT AKAN DIANGGOTAI OLEH INDIVIDU-INDIVIDU YANG DILANTIK OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG ATAS NASIHAT PERDANA MENTERI DARI KALANGAN MEREKA YANG TELAH MENUNJUKKAN KHIDMAT BAKTI YANG TERPUJI, BERINTEGRITI DAN DIPANDANG TINGGI OLEH MASYARAKAT. 'LEMBAGA PENASIHAT' TERSEBUT AKAN BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENASIHATI SURUHANJAYA TERHADAP PERKARA-PERKARA BERKAITAN DENGAN MASALAH RASUAH DI MALAYSIA. MANAKALA, 'JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH' AKAN TERDIRI DARI KALANGAN AHLI-AHLI PARLIMEN UNTUK MENERIMA DAN MENELITI LAPORAN TAHUNAN YANG WAJIB DIKEMUKAKAN OLEH SURUHANJAYA.

19. BAGI MEMANTAPKAN STRUKTUR SURUHANJAYA TERSEBUT, JEMAAH MENTERI TELAH JUGA BERSETUJU DENGAN CADANGAN PEMBENTUKAN DUA BUAH PANEL LAGI IAITU 'PANEL PENILAIAN OPERASI' DAN 'PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH'. 'PANEL PENILAIAN OPERASI' AKAN MEMASTIKAN TINDAKAN DAN KEPUTUSAN SIASATAN YANG DIBUAT OLEH SURUHANJAYA DILAKUKAN DENGAN TELUS DAN PENUH BERTANGGUNGJAWAB. MANAKALA, 'PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH' PULA AKAN MEMBANTU USAHA S.P.R.M. UNTUK MENDIDIK ORANG RAMAI UNTUK MENENTANG RASUAH SEBAGAIMANA YANG TERMAKTUB DI BAWAH FUNGSI BIDANG KUASA SURUHANJAYA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

20. PENGUKUHAN STRUKTUR S.P.R.M. TIDAK AKAN MEMBERIKAN IMPAK YANG DIHARAPKAN SEKIRANYA S.P.R.M. TIDAK DIBEKALKAN DENGAN KEANGGOTAAN YANG MENCUKUPI. UNTUK ITU, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) BARU-BARU INI TELAH MELULUSKAN TAMBAHAN KEANGGOTAAN PEGAWAI B.P.R. SERAMAI 1,379 ORANG DI ANTARA TAHUN 2008 DAN 2009. INI MERUPAKAN PENINGKATAN LEBIH 100% DARI KEANGGOTAAN PEGAWAI B.P.R. SEDIA ADA. JUMLAH TAMBAHAN INI AKAN DITINGKATKAN SEHINGGA LIMA RIBU ORANG PADA TAHUN-TAHUN BERIKUTNYA.

21. DI SAMPING ITU, PIHAK J.P.A. KINI SEDANG DALAM PROSES AKHIR UNTUK MENYEDIAKAN SATU SKIM PERKHIDMATAN BARU YANG LEBIH BAIK UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI SURUHANJAYA. INI PENTING UNTUK MENARIK MINAT GOLONGAN PROFESIONAL DAN BERKEMAHIRAN UNTUK BERKHIDMAT DI S.P.R.M..

22. JEMAAH MENTERI JUGA TELAH MENIMBANG SUPAYA S.P.R.M. DIBENARKAN UNTUK MENGENDALIKAN URUSAN-URUSAN PERKHIDMATAN, KHUSUSNYA YANG MELIBATKAN PROSES LANTIKAN DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN PEGAWAINYA (HIRING AND FIRING OF OFFICERS). OLEH ITU, SAYA JUGA TELAH MEMINTA SUPAYA KETUA PENGARAH B.P.R. MEMOHON PERTIMBANGAN DAN KELULUSAN DARI PIHAK SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (S.P.A.) BAGI MENURUNKAN KUASA KEPADA PIHAK S.P.R.M. UNTUK MENGURUSKAN SENDIRI PELANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI SURUHANJAYA. SAYA BERHARAP LANGKAH-LANGKAH TERSEBUT AKAN MENINGKATKAN LAGI KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN SURUHANJAYA DALAM MELAKSANAKAN FUNGSI DAN TANGGUNGJAWABNYA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

23. SAYA INGIN MENYATAKAN DI SINI BAHAWA KOMITMEN KERAJAAN UNTUK MENUBUHKAN 'SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA' DAN MENJAYAKAN AGENDA INTEGRITI NEGARA TETAP KEKAL UTUH. SEBAGAI KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN BERPANDANGAN JAUH, KERAJAAN BARISAN NASIONAL FAHAM KEPENTINGAN INSTITUSI-INSTITUSI NEGARA KEPADA PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN EKONOMI NEGARA. DENGAN ITU, SAYA BERHARAP 'RANG UNDANG-UNDANG S.P.R.M. 2008' AKAN MENDAPAT SOKONGAN PADU DARIPADA SEMUA PIHAK, KHUSUSNYA APABILA IA DIBENTANGKAN DI PARLIMEN, SEBAGAIMANA YANG DIKEHENDAKI OLEH RAKYAT.

24. SESUNGGUHNYA, PERJUANGAN UNTUK MENEGAKKAN INTEGRITI ADALAH SATU PERJUANGAN YANG SUCI LAGI MURNI. KITA HARUS INGAT BAHAWA PERJUANGAN KITA SEKARANG ADALAH UNTUK MENENTUKAN MASA DEPAN YANG LEBIH CEMERLANG. WALAUPUN TIDAK MELIBATKAN PENGORBANAN DARAH DAN NYAWA, NAMUN PERJUANGAN KITA TETAP BERNILAI BAGI GENERASI YANG AKAN DATANG.

25. AKHIR KATA, SAYA BERHARAP AGAR SEMUA PIHAK AKAN MELAKSANAKAN TUGAS MEREKA DENGAN JUJUR DAN BERAMANAH. MUDAH-MUDAHAN USAHA MURNI UNTUK MEMUPUK BUDAYA INTEGRITI DAN MEMBANTERAS RASUAH YANG KITA LAKSANAKAN INI AKAN MENDAPAT BERKAT, RAHMAT DAN PERLINDUNGAN DARI ALLAH S.W.T. JUA.

SEKIAN, TERIMA KASIH.